

Buletin

Library  
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

POLITEKNIK  
MALAYSIA  
Sultan Haji Ahmad Shah

# INSPIRASI

BIL 15/2023



Perpustakaan  
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah,  
Semambu,  
25350 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-5655300 samb. 336

eISSN 3030-6000



9 773030 600007

# K A N D U N G A N

- 3 PERUTUSAN PUSTAKAWAN KANAN**
- 4 MENGENAI KAMI**
- 5 STATISTIK**
- 7 SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023**
- 16 SINOPSIS BUKU PILIHAN**
- 18 PENGUNJUNG PALING KERAP**
- 19 PEMINJAM BUKU TERBANYAK**
- 21 KELAS LITERASI MAKLUMAT**
- 22 PORTAL ONE STOP INFORMATION CENTRE**

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Siti Rafiah binti Harun

### EDITOR

Shahrul Azman bin Muhammad  
Shamsiah binti Deraman

### BERITA DAN GAMBAR

Marlina binti Mohd Affandi  
Mohd Syukri Mauludi bin Zainal Abidin  
Nik Faradila binti Nik Ismail  
Norazlina bt Mohd Nawawi



### HAK CIPTA TERPELIHARA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian dalam buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Jawatankuasa Penerbitan Perpustakaan POLISAS. Buletin INSPIRASI diterbitkan secara tahunan.

Diterbitkan oleh  
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah  
Semambu  
25350 Kuantan Pahang

© Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, 2023.

# PERUTUSAN PUSTAKAWAN KANAN

*Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera*

Bertemu semula dalam, Buletin Inspirasi Perpustakaan POLISAS bagi tahun 2023 edisi yang ke-15. Objektif utama penerbitan Buletin Inspirasi adalah untuk merakam pelbagai aktiviti atau program yang telah dijalankan di perpustakaan.

Setiap tahun, kami senantiasa cuba untuk memberi yang terbaik buat pengguna perpustakaan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti program lawatan penanda aras, pinjaman kelompok dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang, pertandingan sempena Jom Baca Bersama 10 minit, program sempena Hari Akademia, program literasi maklumat serta aktiviti Bookworm Fun Run yang melibatkan pelajar POLISAS.

Kakitangan Unit Perpustakaan juga digalakkan menyertai pelbagai aktiviti sukan dan kecergasan disamping program yang memberi impak dalam mengeratkan hubungan sesama kakitangan.

Bagi menyokong pembelajaran atas talian, Unit Perpustakaan telah menambahbaik portal perpustakaan dengan memperbanyakkan koleksi atas talian. Pihak perpustakaan juga menggalakkan pensyarah bagi menyumbang ke arah pertambahan koleksi penerbitan ebook.

Sebagai tambahan, Unit Perpustakaan juga menyediakan Perkhidmatan Pinjaman antara Perpustakaan (SPP) bagi membantu pensyarah serta pelajar memperoleh bahan rujukan yang tiada di perpustakaan POLISAS dengan cara meminjam dengan perpustakaan luar. Selaras dengan misi perpustakaan dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang efisien, sistematik dan mesra pelanggan.

Akhir kata, semoga penerbitan buletin ini dapat memberi input berguna kepada semua pembacanya.

Sekian, terima kasih

*Siti Rafiah Binti Harun*

Pustakawan Kanan  
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.



# MENGENAI KAMI

Perpustakaan POLISAS adalah unit yang bertanggungjawab membantu proses pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kepada semua penggunanya.

Mula beroperasi pada sekitar tahun 1983, serta diletakkan di bawah Unit Pusat Sumber, perpustakaan sementara ini ditempatkan di tingkat bawah bangunan blok A, dan akhirnya pada tahun 2004 berpindah ke bangunan khusus yang lebih selesa. Bangunan perpustakaan 2 tingkat yang mempunyai keluasan lantai 1080 meter persegi serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dapat menampung 400 orang pengguna pada satu masa.

Perpustakaan POLISAS menggunakan Sistem Pengkelasan Library of Congress (LC) yang berasaskan abjad. Bagi pengoperasian sistem perpustakaan, unit perpustakaan menggunakan KOHA bagi Sistem Perpustakaan Bersepadu atau ILS.

## VISI

Membangunkan Koleksi Berkualiti Serta Memberi Perkhidmatan dan Kemudahan Yang Efisyen, Sistematis dan Mesra Pelanggan.

## MISI

Sebagai Pemangkin Ke Arah Proses Pembelajaran dan Pengajaran Serta Penyelidikan Melalui Teknologi Terkini Bagi Melahirkan Tenaga Kerja Separa Profesional yang Berilmu Pengetahuan.

## WAKTU PERKHIDMATAN

### ISNIN-KHAMIS

**8:30 pagi - 5:00 petang**

### JUMAAT

**8:30 pagi - 12:15 tengahari  
2:45 petang - 5:00 petang**

### MINGGU PEPERIKSAAN


**8:30 pagi - 7:00 malam**

**SABTU, AHAD & CUTI UMUM  
TUTUP**

# STATISTIK PERPUSTAKAAN POLISAS 2023



## STATISTIK PENGUNJUNG TAHUN 2023



## STATISTIK PENGUNJUNG TAHUN 2021-2023



# STATISTIK PERPUSTAKAAN POLISAS 2023

## JADUAL STATISTIK PINJAMAN BAHAN MENGIKUT JABATAN BAGI TAHUN 2023

JABATAN / KURSUS	JUMLAH	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
JKA	10	0	1	0	1	1	0	0	1	0	3	0	2
JKE	8	0	1	0	2	0	0	0	0	0	0	5	0
JKM	38	0	1	0	0	27	0	0	0	4	2	7	0
JP	109	0	14	12	16	32	0	0	0	5	11	18	1
JTM	20	0	0	3	1	0	0	4	0	0	11	1	0
JPA	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0
JMSK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PENTADBIRAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
UIDM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
LIBRARY	2	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0
EXAM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>190</b>	<b>0</b>	<b>17</b>	<b>16</b>	<b>20</b>	<b>60</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>10</b>	<b>27</b>	<b>31</b>	<b>3</b>

## JADUAL STATISTIK PENGUNJUNG PERPUSTAKAAN TAHUN 2023

JABATAN / KURSUS	JABATAN / KURSUS	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
JKA	DGU	0	5	29	19	16	1	0	2	18	92	38	2	222
	DKA	0	30	6	32	20	0	0	0	22	203	81	28	422
	DSB	0	25	3	0	7	0	0	2	14	86	26	4	167
	STAFF	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
JKE	DEE	0	39	15	5	47	6	0	0	6	63	14	12	207
	DTK	0	33	8	9	9	2	0	0	0	46	14	23	144
	DEP	0	32	4	0	2	0	0	0	0	7	15	7	67
	STAFF	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JKM	DKM	0	76	30	10	58	3	0	1	11	85	43	23	340
	DAD	0	7	0	0	5	1	0	6	39	76	76	40	250
	STAFF	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JP	DAT	0	142	181	152	187	6	0	23	108	198	314	85	1396
	DLS	0	104	63	116	95	23	0	4	104	168	128	58	863
	DSK	0	181	138	53	107	4	0	14	101	109	199	53	959
	DBS	0	63	133	52	84	1	0	2	34	71	117	41	598
	PRA DIP PRDGN	0	3	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	7
	STAFF	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JTM	DTM	0	97	69	75	43	24	0	0	130	445	288	139	1310
	DMH	0	92	44	6	38	0	0	0	0	54	2	3	239
	STAFF	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JPA	STAFF	14	23	22	16	15	5	0	9	28	26	14	10	182
JMSK	PRA DIP SAINS	0	1	1	1	1	0	0	1	0	2	0	0	7
	STAFF	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
LAIN-LAIN	ASASI TVET	0	0	0	0	0	0	0	175	129	159	346	75	884
	LAIN-LAIN	77	110	122	84	94	40	0	45	107	145	153	75	1052
	<b>JUMLAH</b>	<b>91</b>	<b>1063</b>	<b>872</b>	<b>630</b>	<b>829</b>	<b>116</b>	<b>0</b>	<b>284</b>	<b>851</b>	<b>2035</b>	<b>1868</b>	<b>678</b>	<b>9317</b>

# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023

Dalam usaha menggalakkan budaya membaca dalam kalangan pelajar dan memantapkan pengurusan perpustakaan, pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 seperti berikut:



## LAWATAN KOLABORASI DARI KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR

Unit Perpustakaan POLISAS telah menerima lawatan kolaborasi dari Kolej Komuniti Paya Besar pada 17 Januari 2023. Seramai empat (4) orang kakitangan Kolej Komuniti Paya Besar hadir untuk berkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman di antara staf Perpustakaan Kolej Komuniti Paya Besar dengan staf Perpustakaan POLISAS. Lawatan ini juga merupakan satu mekanisme bagi membuka minda yang sihat antara Perpustakaan yang terlibat untuk lebih bersemangat dalam meningkatkan lagi personaliti, imej dan kualiti kerja staf perpustakaan



## BENKEL PENANDA ARAS PENGURUSAN BAHAN PERPUSTAKAAN DI POLITEKNIK MUADZAM

Bengkel Penanda Aras Pengurusan Bahan Perpustakaan telah diadakan di Politeknik Muadzam Shah pada 19 Januari 2023. Seramai 7 orang kakitangan perpustakaan POLISAS dan 2 daripada Politeknik Metro Kuantan telah menyertai bengkel ini. Bengkel ini bertujuan untuk memahami amalan pengurusan bahan perpustakaan yang terbaik di samping mengadakan jalinan hubungan dan kerjasama yang lebih erat di antara perpustakaan.

# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023



## LAWATAN PINJAMAN BERKELOMPOK DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG

Seramai enam (6) orang kakitangan perpustakaan POLISAS telah mengadakan lawatan pinjaman kelompok di Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP) pada 26 Januari 2023. Proses pemilihan buku pelbagai bidang terutamanya bahan bacaan santai telah dilakukan. Diharapkan pinjaman kelompok ini dapat dilaksanakan setiap tahun bagi menyediakan pilihan bahan bacaan kepada warga POLISAS.



## Taklimat Stocktake PPAP

Unit Perpustakaan berbesar hati menerima kunjungan pegawai dari Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang (PPAP). Unit perpustakaan telah memohon khidmat nasihat dari PPAP berkenaan kaedah pengurusan 'stocktake' menggunakan sistem KOHA. Taklimat telah diberikan oleh Encik Muhammad Zharfan Zuhair Bin Mohamad Zaki. Semoga perkongsian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua kakitangan perpustakaan.



## AUDIT DALAMAN ISO 9001:2015

Pada 4 April 2023 Unit Perpustakaan telah terlibat dalam Siri Audit Dalamam ISO 9001:20015. Tujuan audit adalah untuk memastikan Unit Perpustakaan mematuhi Manual Prosedur Kerja yang telah ditetapkan. Audit telah dijalankan oleh Puan Noraida binti Muhamad Ali dari Jabatan Teknologi



# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023



## WORLD #QURANHOUR 2023

World #QuranHour sebagai kempen gerakan al-Qur'an melalui baca, faham dan amal telah diadakan di lokasi perdana Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak pada 13 April 2023 dan juga serentak di seluruh negara.

Sambutan World #QuranHour2023 peringkat POLISAS telah berlangsung di Masjid Saidina Abu Bakar (SABAR) pada 13 April 2023. Sesi perkongsian ringkas Surah Al-Insan, selawat, istighfar dan doa oleh Ustaz Hasminuddin bin Hashim iaitu pensyarah Jabatan Pendidikan Islam di POLISAS. Warga POLISAS juga digalakkan membaca al-Qur'an di lokasi masing-masing.



## MAJLIS HARI RAYA UNIT PERPUSTAKAAN

Bersempena kemeriahan Syawal yang rancak diraikan, Perpustakaan POLISAS turut sama menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1444H pada 15 Mei 2023. Sambutan diadakan secara sederhana namun suasananya tetap meriah dengan pelbagai hidangan tradisi istimewa dan pelbagai kuih-muih di samping seluruh warga Perpustakaan yang bertungkus-lumus membuat persiapan majlis. Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan ini dapat menyatupadukan seluruh warga Perpustakaan POLISAS selain memberi peluang untuk beramah mesra bukan sahaja dalam kalangan warga Perpustakaan POLISAS tetapi juga para pengunjung perpustakaan.

# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023



## PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT PERINGKAT POLISAS

Warga POLISAS turut serta mengimarahkan Program Jom Baca 10 Minit pada 18 Mei 2023. Bertemakan 'Baca Bina Insan', Program Jom Baca 10 Minit ini merupakan satu usaha untuk memupuk budaya membaca dan berilmu dalam kalangan rakyat Malaysia.



## AKTIVITI KECERGASAN UNIT PERPUSTAKAAN

Sesi keluaran peluh bersama-sama Unit Perpustakaan di Bukit Pelindung pada 12 Julai 2023. Jom amalkan gaya hidup sihat dengan melakukan pelbagai aktiviti kecergasan seperti jogging, hiking, berbasikal dan lain-lain. Program ini juga bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan menguatkan lagi semangat kerja berpasukan.



Dengan tema 'Membangun Semangat Baru Menuju Organisasi yang Aktif, Progresif dan Berprestasi', Unit Perpustakaan telah mengadakan Program Team Building. Bertempat di Taman Negara Kuala Tahan, program diadakan sekitar Taman Negara seperti eksplorasi ke Lata Berkoh, Mendaki Bukit Terisek dan lain-lain. Diharapkan program yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada para peserta.

# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023



## BOOKWORM FUN RUN 2023

Bookworm Fun Run 2023 telah berjaya dianjurkan oleh Unit Perpustakaan POLISAS dengan kerjasama MPP POLISAS dan disertai oleh 100 orang pelajar. Acara dimulakan dengan aktiviti senamrobik dan larian bermula pada pukul 8.30 pagi. Kesemua peserta berjaya menamatkan larian dengan jayanya dengan membawa Jalur Gemilang tanda semangat menyambut Hari Kemerdekaan ke-66. Unit Perpustakaan ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada MPP POLISAS yang membantu merealisasikan Bookworm Fun Run 2023. Tidak lupa juga penghargaan kepada Persatuan Alumni POLISAS (PAPSAS) kerana menaja hadiah cabutan bertuah. Semoga aktiviti ini dapat diteruskan lagi di masa hadapan.



# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023



## AKTIVITI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA

Bagi meraikan sambutan Hari Kebangsaan ke-66 dan sambutan Hari Malaysia ke-60, Perpustakaan POLISAS tidak ketinggalan untuk memeriahkan sambutan dengan menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang bulan Ogos dan September. Marilah kita bersama-sama menghayati semangat kemerdekaan dan menyemarakkan sambutan pada tahun ini dengan tema "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan". Aktiviti dan pertandingan yang dianjurkan oleh Unit Perpustakaan untuk pelajar dan kakitangan POLISAS. Antara aktiviti dan pertandingan yang dijalankan:

- i. Pameran Tunku Erti Seribu Wajah
- ii. Kuiz Kemerdekaan
- iii. Pertandingan Membaca Sajak (Video)
- iv. Treasure Hunt
- v. Permainan Indoor Games: Carrom, Congkak, Chess dll.



## LAWATAN DARIPADA GURU-GURU KAUNSELING DAN ALIRAN TVET DAERAH KUANTAN

Perpustakaan telah menerima kunjungan daripada guru-guru kaunseling dan aliran TVET Daerah Kuantan pada 14 September 2023 sempena Program Taklimat Hala Tuju Pendidikan TVET di POLYCC anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan. Pihak perpustakaan mengalu-alukan kedatangan semua peserta dan semoga perkongsian lawatan ini memberi manfaat kepada guru-guru.

# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023



## LAWATAN PENANDAARASAN DAN STOCKTAKE DI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PAHANG

Seramai tiga (3) orang staf perpustakaan POLISAS telah mengunjungi Perpustakaan Awam Negeri Pahang bagi melakukan penandaarasan dan mempelajari proses stocktake menggunakan sistem KOHA. Terima kasih PPAP kerana sudi menerima rombongan daripada POLISAS dan diharapkan dengan lawatan ini dapat memupuk dan menjalin hubungan baik yang berterusan diantara Perpustakaan POLISAS dan juga PPAP.

**Aktiviti Perpustakaan  
Sempena Hari Akademia 2023**

**Sertai Sekarang!**

- Pertandingan Mencipta Penanda Buku
- Kuiz Simpulan Bahasa
- Kuiz Kenali Perpustakaan
- Bulan Pengampunan Denda

Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah | @perpustakaan | @perpustakaan

## PROGRAM PERPUSTAKAAN SEMPENA HARI AKADEmia POLISAS 2023

Hari Akademia merupakan acara tahunan yang diraikan di peringkat kebangsaan dan di Institusi Pengajian Tinggi pada 5 Oktober setiap tahun. Tema Hari Akademia pada tahun 2023 ialah 'Akademia Pemacu Malaysia Madani'.

Bersempena Hari Akademia ini, Unit Perpustakaan turut mengadakan aktiviti menarik iaitu:

- Pertandingan Mencipta Penanda Buku
- Kuiz Simpulan Bahasa
- Kuiz Kenali Perpustakaan
- Bulan Pengampunan Denda

# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023



## PROGRAM SENTUHAN QASEH BERSAMA RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM AL HIJRAH, KEMAMAN TERENGGANU

Pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK5B) dengan kerjasama Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim Al-Hijrah, Kemaman Terengganu menganjurkan Program Sentuhan Qaseh. Melalui program ini, para pelajar telah mengambil inisiatif untuk mengumpulkan sumbangan berupa barangan keperluan harian oleh warga POLISAS termasuk pihak Perpustakaan sendiri. Selain dari menyumbang, aktiviti ini juga menggalakkan interaksi antara kakitangan perpustakaan dan para pelajar.



## AKTIVITI KECERGASAN: BRISK WALK

Kakitangan Unit Perpustakaan telah mengambil kesempatan melakukan aktiviti riadah dan kecergasan sepanjang musim cuti pertengahan semester. Aktiviti kecergasan kali ini ialah *Brisk Walk* yang telah diadakan pada 18 Oktober 2023 bertempat di Taman Bandar pada jam 8.00 - 11.00 pagi. Seramai 6 kakitangan telah menyertai aktiviti ini dan ia merupakan salah satu aktiviti santai yang memberi kebaikan bukan sahaja kepada jasmani namun juga rohani. Selain itu ianya diharap dapat memupuk ukhwah sesama kakitangan.

# SOROTAN AKTIVITI SEKITAR 2023



## LATIHAN ILS KOHA BAGI SISTEM PERPUSTAKAAN BERPUSAT JPPKK (ZON TIMUR)

Unit Perpustakaan POLISAS telah menghantar 5 orang kakitangan ke Latihan ILS Koha Bagi Sistem Perpustakaan Berpusat JPPKK (Zon Timur) yang telah diadakan pada 5-7 November 2023 bertempat di Shahzan Hotel, Kuantan. Objektif latihan ini adalah bertujuan untuk melatih pustakawan dan pegawai ICT dan yang akan menguruskan pengoperasian sistem KOHA di institusi. Latihan ini telah dihadiri oleh wakil semua Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu.



## MINGGU SOLIDARITI BERSAMA PALESTIN

Minggu Solidariti Bersama Palestin diadakan di Perpustakaan POLISAS 13-17 November 2023. Warga POLISAS dijemput menzahirkan sokongan terhadap Palestin dengan menulis mesej di papan kenyataan yang disediakan. Kita tidak mampu menghunus senjata, tetapi percayalah suara dan usaha kecil kita ini ada kesannya pada dunia. Solidariti kita di Malaysia ini tanda menyokong kemerdekaan Palestin. Warga POLISAS digalakkan untuk mengambil gambar mereka berpakaian hijau, dan memuat naik di media sosial masing-masing.




# SINOPSIS BUKU PILIHAN

**TIGER**  
**SYNOPSIS**

The book takes the reader through his field observations of tigers across India and some history of man's relation with the big cat along with the unfortunate breeding of white tigers. Fun Fact: Sankhala was the director of the Delhi Zoo in the 1960s when he provided the leopard cub to Jane (Rocky) Davis to raise

**BOOK TITLE: TIGER**  
**WRITER: KAILASH SANKHALA**  
**YEAR OF PUBLICATION : January 1, 1978**  
**ISBN : 978-0002161244**  
**Page : 220 pages**



**YASINI A/P THIAGU**  
**020818050310**  
**JABATAN PERDAGANGAN**  
**DIPLOMA SAINS KESETIAUSSAHAN**

Sinopsis Novel  
**CURI-CURI CINTA**  
Penulis buku : Siti Rosmizah



**01** Kisah Intan Raihana dilahirkan dalam keluarga yang susah. Intan malu dengan keadaan keluarganya, apatah lagi ibunya, Puan Asmah, seorang yang bufa disebabkan sebuah kemalangan maut. Ayahnya meninggal dunia akibat kemalangan tersebut, dia pula membenci abangnya, Iskandar yang didakwa sebagai punca kemalangan tersebut.

**02** Terpaut dengan kekayaan Daniel Hakim, Intan merancang untuk memikat Daniel apatah lagi bila mengetahui Daniel adalah kekasih sepupunya, Fariza. Intan sanggup melakukan pelbagai cara untuk merampas Daniel Hakim daripada Fariza. Namun begitu, hati Daniel Hakim sudahpun teruncit untuk Fariza.

Curi-Curi Cinta ialah sebuah novel 2013, ditulis oleh penulis novel Malaysia, Siti Rosmizah Semail, diterbitkan pada April 2013 oleh SR Publication.

Nur Aida bt Mohd Zaki  
02DSK21F2064  
DSK3B

Sania Yasmin

**KERANAMU AKU RELA**

**OLIVIA'S 1ST BIRTHDAY PARTY**




**MATERIAL TYPE: TEXT/TEXT**  
**PUBLISHER: SHAH ALAM ALAF 21 @ GRU PHUKU KARANGKRAF 2013**  
**DESCRIPTION: 457 MUKASURAT 18 CM**  
**CONTENT TYPE: TEXT MEDIA TYPE: UNNEBATED CARBON TYPE: VOLUME**  
**ISBN: 9789831246089**  
**SUBJECT(S): MALAY FICTION**  
**OTHER CLASSIFICATION: K2899.2333 SAN**

Air mata Tasnim tidak pernah kering. Merobut cinta Jeffrey dia dibenci keluarga lelaki itu. Namun jodoh mereka kuat. Dia bahagia. Malangnya takdir menentukan Jeffrey disahkan menghidap leukemia. Setiap hari menunggu mati, Jeffrey hanya melihat derita Tasnim. Dia merencanai sendiri. Isterinya berhak memiliki bahagia kedua. Jadi, Tasnim mesti dilepaskan. Tasnim akan dipaksa kahwin lain. Dia sendiri sudah memilih lelaki yang bakal menjadi suami baru Tasnim. Cinta Tasnim cinta mati. Berulang kali dia menolak kemahuan Jeffrey. Dia rela jadi batu daripada mereka bercoral hidup! Namun, Jeffrey tetap setia dengan taat. Tasnim pasrah. Hatinya remuk-redam. Mereka berpisah bukan tak sengkat! Cuma, dia bingung disuruh mengahwini lelaki yang memang dikenalnya. Kuatkah Jeffrey melihat dia bersama lelaki itu?

Awal permulaan cerita ni agak menyeronokkan kerana ia features unsur-unsur sifir. Du Jeffrey yang tak merestui perkahwinan ananya dengan Tasnim menggunakan khidmat bomoh untuk memisahkan mereka. Tapi yang terkena kerja dur jana ini adalah Jeffrey. Tidur dia terpancut dan sering melihat kelibat bayang-bayang dalam rumahnya. But despite all that, rumah tangga mereka tetap bahagia.

**NOR IZZATI BINTI YUSKAMIZI**  
**02DSK21F1021 DSK3B**  
**JABATAN PERDAGANGAN**



# SINOPSIS BUKU PILIHAN

## TENGCELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK

### SINOPSIS



**PENULIS : BUYA HAMKA**  
**PENERBIT : BALAI**  
**PUSTAKA DJAKARTA**  
**TAHUN TERBIT : 1958**  
**TEBAL : 200 MUKA SURAT**

Tenggelamnya Kapal Van der Wijck adalah sebuah karya sastra roman yang ditulis oleh Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenal dengan nama Hamka. Roman yang dikarang oleh Prof. Dr. Hamka ini diterbitkan tahun 1939.

Roman ini mengisahkan tentang perbedaan adat istiadat dan latar belakang sosial yang terjadi di minangkabau. Perbedaan tersebut menghalangi hubungan percintaan antara Zainuddin dan Hayati sehingga berakhir dengan kematian. Kapal Van Der Wijck menjadi salah satu latar belakang kisah in

Pada suatu masa, di wilayah Mengkasar, daerah tepi pantai yang berada di antara Kampung Baru dan Kampung Mariso, berdirilah sebuah rumah khas daerah Mengkasar. Di dalamnya tinggal seorang pemuda berumur 19 tahun, pemuda itu bernama Zainuddin. Zainuddin tinggal bersama ibu asuhnya, Mak Base. Dia merupakan hasil perkawinan campur antara Minangkabau dan Mengkasar.

Zainuddin sering mendengarkan cerita dari orang tua angkatnya tentang ayahnya saat muda, pada saat itu, teringatlah pesan dari ayahnya ketika beliau akan meninggal, ayahnya mengatakan bahwa kampungnya bukanlah Mengkasar.

**NURUL AQILAH BINTI MOHD KHALID**  
**02DSK22F1065**  
**JABATAN PERDAGANGAN**  
**DIPLOMA SAINS KESETIAUSAHAAN**

## LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

**PENERBIT: PTS PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD**  
**TAHUN TERBIT: 2008**  
**TEBAL: 360 M/S**

**ABDUL LATIP TALIB**

Karya penulisan ini mengisahkan tentang Adnan yang merupakan watak utama. Beliau yang dilahirkan di Sungai Ramal, Selangor, hidup di dalam suasana kemiskinan kampung. Kehidupan mereka bergantung kepada hasil sawah padi dan kebun getah yang cukup-cukup makan sahaja. Adnan dibesarkan oleh kedua ibu dan bapanya iaitu Pak Saidi dan Mak Milah. Adnan yang merupakan anak sulung mempunyai dua adik-beradik iaitu Ahmad dan Amarullah. Watak utama novel ini mempunyai nilai kerajinan dan taat kepada perintah orang tuanya. Sejak usia sepuluh tahun, beliau membantu orang tuanya di kebun getah setiap pagi. Moyang kepada Pak Saidi adalah orang buruan Inggeris, maka beliau sengaja merahsiakan keturunan pahlawannya kerana khuatir diburu. Semangat patriotik itu dilihat diwaris oleh Adnan. Pak Saidi tidak mahu anak-anaknya mewarisi pekerjaannya di kampung justeru beliau memiliki keazaman untuk memastikan masa depan anak-anaknya lebih baik. Pak Saidi sedar hanya dengan ilmu pengetahuan anak-anaknya boleh menabur bakti kepada agama, bangsa dan tanah air. Beliau berhasrat mahu menghantar anak-anaknya ke sekolah aliran Inggeris tetapi mendapat tentangan orang kampung kerana risau akan dipengaruhi anasir yang tidak diinginkan.

**FATIN BINTI ABDUL MUTALIB**  
**02DSK22F1087**  
**JABATAN PERDAGANGAN**  
**DIPLOMA SAINS KESETIAUSAHAAN**

## BICARA SEBUAH DIARI

KERASUT MERIPAKAN PERUBAHAN JAMAT SYU  
BERTUKULAN MINGGANIYA ATAU  
MENDATANGKAN KEEKALAKAN PD GRANG LAM,  
TIPU DAVA.

Mempunyai perwatakan dan kerjaya yang menarik bukanlah satu tiket untuk menjadi seorang yang sempurna. Sempurna hanya nampak pada luaran sahaja tapi rupa-rupanya dalamnya sangatlah cacat dan cela.

Normal, kalau bercakap tentang novel genre seperti ini, pembaca sangat mengharapkan plot twist dan sudah tentunya penulis juga akan melakukan hal yang sama, kalau tidak memang pembaca sudah boleh mengagak siapa pembunuh, siapa hantu, siapa mangsa.

Untuk naskhah ini, saya kira penulis hampir berjaya. Ya hampir berjaya mewujudkan plot twist tersebut. Sebab saya dah macam cop mamat ni pembunuh, tapi disebabkan ada beberapa bab yang saya kira saya boleh tahu siapa sebenarnya watak hitam yang sebenar.



Mempunyai perwatakan dan kerjaya yang menarik bukanlah satu tiket untuk menjadi seorang yang sempurna. Sempurna hanya nampak pada luaran sahaja tapi rupa-rupanya dalamnya sangatlah cacat dan cela.

**Pengarang Buku: Zulfuzaman Ahmad**  
**ISBN: 978-967-0342-43-6**  
**Format: 502 pages, Paperback**  
**Published: June 30, 2012 by Buku Prima**

# PENGUNJUNG PALING KERAP

**PENGUNJUNG PALING KERAP**  
2023

**TAHNAH !!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**NURUL IZZATY BINTI AHMAD DHAZULI**  
Jabatan Perdagangan

[Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah](#) [librarypolisas](#) [librarypolisas](#)

**PENGUNJUNG PALING KERAP**  
2023

**TAHNAH !!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**NORMASHAKIRA NABILA BINTI MOKHTAR**  
Jabatan Perdagangan

[Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah](#) [librarypolisas](#) [librarypolisas](#)

**PENGUNJUNG PALING KERAP**  
2023

**TAHNAH !!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**SHARUMATHY A/P SARAVANAN**  
Jabatan Teknologi Makanan

[Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah](#) [librarypolisas](#) [librarypolisas](#)

# PEMINJAM BUKU TERBANYAK (PELAJAR)



KATEGORI PELAJAR

TEMPAT  
PERTAMA

## PEMINJAM BUKU TERBANYAK

2023

**TAHNNIAH!!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**NUR AIN AQILAH BT ZULLKIFLY**  
Jabatan Perdagangan

[f](#) Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah [i](#) librarypolisas [t](#) librarypolisas



KATEGORI PELAJAR

TEMPAT  
KE-DUA

## PEMINJAM BUKU TERBANYAK

2023

**TAHNNIAH!!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**SHARLYN LING LING**  
Jabatan Perdagangan

[f](#) Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah [i](#) librarypolisas [t](#) librarypolisas



KATEGORI PELAJAR

TEMPAT  
KE-TIGA

## PEMINJAM BUKU TERBANYAK

2023

**TAHNNIAH!!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**HENRY SAW TERN LEE**  
Jabatan Perdagangan

[f](#) Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah [i](#) librarypolisas [t](#) librarypolisas

# PEMINJAM BUKU TERBANYAK (STAFF)

**POLITEKNIK** **Library**

## PEMINJAM BUKU TERBANYAK 2023

**KATEGORI STAF**  
**TEMPAT PERTAMA**

**TAHNIAH !!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**PUAN SHAHIZA BT MUSA**  
JTM

[Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah](#) [librarypolisas](#) [librarypolisas](#)

**POLITEKNIK** **Library**

## PEMINJAM BUKU TERBANYAK 2023

**KATEGORI STAF**  
**TEMPAT KE-DUA**

**TAHNIAH !!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**PUAN MISKIAH BT WAKIJAN**  
JKM

[Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah](#) [librarypolisas](#) [librarypolisas](#)

**POLITEKNIK** **Library**

## PEMINJAM BUKU TERBANYAK 2023

**KATEGORI STAF**  
**TEMPAT KE-TIGA**

**TAHNIAH !!!**

"Tahniah diucapkan dan terima kasih atas sokongan anda kepada Perpustakaan POLISAS"



**PUAN SHAUFINA BT MD JAAFAR**  
JKM

[Perpustakaan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah](#) [librarypolisas](#) [librarypolisas](#)

# KELAS LITERASI MAKLUMAT



Unit Perpustakaan telah mengadakan Kelas Literasi Maklumat bagi pelajar-pelajar baru yang belajar di POLISAS. Para pelajar telah didedahkan dengan pengenalan mengenai perpustakaan. Para pelajar telah dimaklumkan tentang kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan. Pelajar juga telah didedahkan tentang bagaimana untuk mendapatkan bahan rujukan dengan mudah menggunakan OPAC (Online Public Access to Catalog). Selain itu pelajar telah diberi pendedahan tentang bagaimana mendapatkan bahan rujukan atas talian. Semoga para pelajar dapat manfaat dalam mencari bahan rujukan.



# PORTAL ONE STOP INFORMATION CENTRE



Bagi menyokong Pengajaran dan Pembelajaran yang sejajar dalam era Revolusi Industri 4.0, Unit Perpustakaan telah menambah baik sumber maklumat dengan mengujudkan Portal Perpustakaan (One Stop Information Centre). Antara koleksi bahan atau sumber digital adalah termasuk, capaian ke Pangkalan Data, e-Book POLISAS, e-Journal POLISAS, Koleksi Kertas Soalan, e-Book POLYCC, e-Journal POLYCYCY dan DBOOK JAPEN. Maklumat mengenai perpustakaan juga boleh diperolehi melalui portal ini.

Berikut adalah laman web tersebut:

<https://sites.google.com/polisas.edu.my/perpustakaanpolisas>



# DATANG DAN PERGI

## Selamat Datang

1. Puan Siti Rafiah binti Harun  
Pustakawan Kanan S44  
Tarikh lapor diri: 15 Mei 2023



2. Puan Shamsiah binti Deraman  
Pustakawan S41/S44  
Tarikh lapor diri: 15 Februari 2023



## Sekalung Budi

Encik Mohamad Nor Izzat bin Mohamad Yasin  
Pustakawan Kanan S44  
Tempoh berkhidmat: 1 Disember 2020 – 15 Mei 2023



Selamat Maju Jaya diucapkan kepada Encik Mohamad Nor Izzat bin Mohamad Yasin, Pustakawan Kanan S44 yang telah bertukar ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin berkuatkuasa 15 Mei 2023.

Unit Perpustakaan merakamkan jutaan terima kasih di atas segala jasa, komitmen dan dedikasi beliau dalam menjalankan amanah sepanjang beliau berkhidmat di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah ini. Unit Perpustakaan turut mengucapkan syabas dan selamat maju jaya buat Encik Mohamad Nor Izzat bin Mohamad Yasin. Semoga diberi anugerah kesihatan, keselamatan, kebahagiaan dan kejayaan kepada beliau. Salam perpisahan.

  
**Library**  
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

  
**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
Sultan Haji Ahmad Shah

WAKTU PEMBUKAAN  
ISKIN - JUMAAT  
8.30 PAGI - 5.00 PETANG

UNIT TERBUKAAN  
PULSAJ  
SILA PATUHI DISIPLIN  
KETIKA DI DALAM  
PERPUSTAKAAN

AHAD & CUTI  
UMUM : TUTUP  
(Jumaat > 12.15 p.m -  
2.45 p.m ditutup)

Perpustakaan  
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah,  
Semambu,  
25350 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-5655300 samb. 336